

21/06/2002

Amanat Presiden akan disampaikan kepada ahli

PEMIMPIN Kelab Umno luar negara akan menyampaikan amanat Presiden kepada ahli, terutama saranan supaya Melayu mempunyai pemikiran lebih dinamik untuk berjaya.

Pengerusi Kelab Umno Melbourne, Mohd Yusof Faizal Mohd Faizal, 20, berkata walaupun Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapan dasar menganggap tugas mengubah Melayu gagal, namun beliau berpendapat Melayu hari ini lebih baik berbanding dulu.

"Ini terbukti dengan semakin ramai pelajar Melayu belajar di luar negara," katanya.

Pengerusi Kelab Umno Sheffield, Edham Reza Shah Abdul Rahman, 21, berkata Melayu masih gagal disebabkan mentaliti yang sukar diubah.

"Mentaliti terlalu mengharap bantuan perlu diubah sejak kecil, selain perlu ada matlamat jangka panjang untuk berjaya," katanya.

Sementara itu, Ahli Biro Sukan Kelab Umno Chicago, Ahmad Nazim Ali, berkata gerak geri umat Islam di Amerika Syarikat masih diperhatikan walaupun mereka bebas melakukan kegiatan masing-masing.

"Masyarakat tempatan juga melabel umat Islam di Palestin yang mempertahankan negara mereka daripada serangan Israel sebagai pengganas," katanya.

Pengerusi Kelab Umno Jordan, Mohd Yazid Abd Rahim, berkata Dr Mahathir berjaya membuktikan bahawa beliau adalah pemimpin Islam berkebolehan dan mendapat pengiktirafan pemimpin tinggi dunia.

"Umno adalah parti yang lengkap yang memperjuangkan keadilan dalam semua aspek termasuk agama, kita tidak perlu pergi ke parti lain untuk Islam kerana dalam Umno semua ada," katanya.

(END)